




SUKARELAWAN Muslim Care mengangkat barangan untuk diagihkan kepada pelarian Syria.

PELARIAN kanak-kanak, Ahmad Banda menunjukkan makanan ringan yang diterima.

HARGA DERITA

■ Rakyat Syria terus dihimpit peperangan tak bernoktah



JASIM



Hafis Nawawi dari Jordan

Irbid (Jordan)

“Tentera Bashar bertindak kejam dengan mengebom bangunan sekolah, masjid, padang permainan dan kediaman tanpa mempedulikan nasib penduduk terutama kanak-kanak yang berada di kawasan terbabit,” kata pelarian Syria, Jasim Muhammad, 45, yang menyaksikan sendiri kejadian itu di depan matanya. Menurutnya, kediamannya di Halab,

Syria musnah terkena bom menyebabkan dia melarikan diri ke negara ini pada 2012 untuk mendapatkan perlindungan.

“Kebanyakan mereka yang terkena bom terkorban dalam kejadian itu dan mayat bergelimpangan.

“Malah, beberapa saudara saya terbunuh akibat serangan itu menyebabkan saya nekad datang ke sini dan sebaik berpindah saya mendapat berita kediaman saya juga musnah terkena bom,” katanya.

Jasim berkata, tentera Bashar tidak berperikemanusiaan apabila sanggup membunuh orang-ramai termasuk kanak-kanak.

“Kanak-kanak bermain di taman permainan menjadi mangsa apabila mereka datang dan terus mengebom kawasan itu.

“Saya tidak dapat menggambarkan kekejaman mereka tergamak membunuh manusia sesuka hati,” katanya.

Katanya, selepas berpindah ke sini, hidupnya aman dan walaupun hidup susah, namun nyawanya terselamat serta tidak menjadi korban.

“Syukur ramai pihak membantu kami di sini dan saya berharap suatu hari nanti Syria akan kembali aman dan dapat pulang semula ke sana,” katanya.



16/11/2015
mls.22



Bapa saudara jadi penyelamat

Irbid (Jordan): "Mujur bapa saudara yang menyedari kehadiran tentera Bashar di kampung sebelah datang ke kediaman saya dan meminta kami semua berpindah menyebabkan saya serta keluarga terselamat dalam serangan itu," kata Ahmad Banda, 11, menceritakan detik cemas perkampungannya di Hama, Syria diserang tentera Bashar.

Menurutnya, dia sekeluarga seramai 16 orang keluar dari kediaman itu selepas menerima berita berkenaan dan sebaik berjalan menuju ke kawasan lebih selamat, dia terlihat-rumahnya dibedil sehingga musnah.

"Kami

bernasib baik apabila menerima berita itu lebih awal jika tidak pasti terkorban.

"Kami berjalan kaki selama beberapa hari sebelum tiba di kem ini dan membina khemah untuk mencari perlindungan," katanya yang tinggal bersama keluarga di Kem Pelarian Dafina, Mafraq, dekat sini.

Ahmad berkata, mereka bersyukur terselamat dan dapat meneruskan kehidupan walaupun dalam serba kekurangan.

"Terima kasih kerana sudi membantu kami dengan menghulurkan sumbangan yang dapat membantu saya sekeluarga menghadapi musim sejuk tidak

lama lagi.

"Saya gembira kerana dapat menikmati makanan ringan ini yang sudah lama tidak dirasai," katanya.

Sementara itu, Ali Salman, 32, berkata, dia berpindah ke kem ini pada 2013 dari Homs, Syria kerana bimbang dengan keselamatan diri.

"Sebelum tinggal di sini, saya pada mulanya berada di dalam Kem Zaatari, namun tidak tahan dengan keadaan di sana dan nekad keluar sebelum datang ke sini.

"Ketika berada di dalam Kem Zaatari, saya menghadapi masalah sakit pinggang belakang sehingga terpaksa menerima rawatan," katanya.



Selamat dalam serangan bom

Irbid (Jordan): "Bashar adalah Firaun kerana membunuh sesuka hati dengan mengarahkan bala tenteranya menyerang perkampungan dan mengebom kediaman penduduk menyebabkan kanak-kanak dan orang tua yang tidak bersalah terbunuh," kata Abdul Karim Darwish, 45.

Dia yang berasal dari Homs, Syria terselamat dalam kejadian serangan bom di rumahnya apabila menerima berita lebih awal mengenai kedatangan tentera Bashar ke ka-



Harian Metro
16/11/2015
mls 23

ASKAR Syria memeriksa keadaan kereta kebal digunakan untuk membedil kawasan di sekitar Aleppo.

“Mujur ibu bapa, isteri dan anak terselamat dalam kejadian itu”

Abdul Karim

wasan perkampungannya. Abdul Karim berkata, dia menyaksikan sendiri kediamannya musnah di bom tentera Bashar ketika mereka cuba melarikan diri.

“Mujur ibu bapa, isteri dan anak terselamat dalam kejadian itu.

“Kami kini menyewa rumah dengan bayaran 160 Jordan Dinar (RM1,040) yang dibayar orang ramai dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kerana pelarian Syria tidak dibenarkan bekerja,” katanya.

Menurutnya, dia bagaimanapun mengambil risiko dengan bekerja di kebun dan menjaga kambing dengan bayaran upah tidak seberapa.

“Mujur bantuan sentiasa ada untuk kami sebagai pelarian dan masih dapat makan serta tinggal di tempat yang lebih selesa.

“Selain itu, saya juga tidak berasa bimbang lagi nyawa terkorban akibat diserang tentera Bashar,” katanya.